



Susilo dapat anugerah tertinggi pengakap

PERDANA Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menghadiahkan cenderamata berupa tepak sirih kepada Presiden Indonesia Susilo Bambang Yudhoyono pada majlis Makan Malam Perdana sempena sambutan 100 tahun Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) di PWTC, malam tadi. Sebelum itu Abdullah turut menyampaikan Bintang Semangat Padi (SP) Kelas Pertama (Emas), anugerah

tertinggi PPM kepada Presiden Indonesia itu. Abdullah turut berkongsi pengalaman menceritakan pengalamannya bergiat cergas dalam pergerakan itu ketika di bangku sekolah pada awal 50-an, berkata ia satu kegiatan yang sangat berguna. Ketika menjadi Menteri Pelajaran pada 1984, beliau mewajibkan pelajar menyertai pasukan berpakaian seragam seperti pengakap atau persatuan bulan sabit merah.